

▼29/05/17-08MST

CNS9452

R GB 29-05 00134 BA403

BAH

Mahathir - Kaamatan

PESTA KAAMATAN PATUT DIPELIHARA DAN DIPERKEMBANGKAN, KATA MAHATHIR  
KOTA KINABALU, 29 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr  
Mahathir Mohamad berkata, Pesta Kaamatan yang menjadi lambang budaya dan  
tradisi kaum Dusun-Kadazan di Sabah patut dipelihara.

Beliau berkata, ia juga patut diperkembangkan memandangkan pesta itu  
boleh menyumbang ke arah memupuk perpaduan, semangat persaudaraan dan  
penyatuan nasional di kalangan penduduk negara berbilang kaum ini.

Dr Mahathir berkata demikian dalam perutusannya pada buku cenderamata  
sempena Pesta Kaamatan anjuran UMNO Sabah yang akan berlangsung esok.

Perdana Menteri sendiri akan merasmikan pesta itu yang julung kalinya  
dianjurkan UMNO Sabah sejak parti berkenaan mengembangkan sayap ke negeri  
ini.

Dr Mahathir berkata, rakyat Malaysia tidak harus terus dibelenggu  
amalan-amalan usang yang boleh membantutkan kemajuan. -- Lagi.

▼29/05/17-44MST

CNS9454

R GB 29-05 00159 BA404

BAH

Mahathir - Kaamatan 2 (Akhir) Kota Kinabalu

Beliau berkata, rakyat harus menerima perubahan atau permodenan dalam  
kegiatan untuk mencapai kejayaan.

"Kita tidak boleh selama-lamanya meneruskan amalan-amalan lama atau  
tradisi yang boleh membantutkan kemajuan kita dalam apa jua bidang atau  
usaha," katanya.

Dr Mahathir berkata, rakyat juga tidak harus berpeluk tubuh sahaja  
dengan membiarkan arus kemajuan berlalu dan mereka ketinggalan.

"Adalah menjadi harapan kita bersama untuk menjadikan Sabah sebuah  
negeri yang maju dan makmur dan penduduknya hidup bahagia dalam rukun dan  
damai," tambahnya.

Sementara itu, pengerusi pasukan petugas khas Kazadan, Dusun dan Murut  
dalam UMNO Sabah, Datuk Kasitah Gadam berkata, Pesta Kaamatan akan lebih  
bermakna jika rakyat negeri itu dapat mengecapi pembangunan yang pesat dan  
berterusan.

"Kita juga berharap Pesta Kaamatan akan terus dihidupkan pada masa akan  
datang sebagai satu cara untuk memelihara dan mengekalkan adat dan tradisi  
kebudayaan nenek-moyang kita," tambah beliau. -- Bernama.

ZAA KAM.

▼29/05/17-46MST